

HUBUNGAN KESEDIAAN PELAJAR MENGIKUTI PEMBELAJARAN BERASASKAN BLENDED LEARNING BERDASARKAN JANTINA DAN PROGRAM

Norasyikin binti Osman

norasyikinosman@unisza.edu.my
Universiti Sultan Zainal Abidin

Mohd Isa bin Hamzah

isa_hamzah@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract: Technology in education has been widely applied at all educational levels and this is increasing year-by-year. The evolution of technology leads to the implementation of e-learning in the teaching and learning process. Meanwhile the combination of face to face and e-learning, known as blended learning, has received special attention lately. Hence, this study would like to investigate the students' readiness for blended learning based on differences in gender and between programmes. This quantitative research used a questionnaire as the instrument. The questionnaires were distributed to 248 students. The findings indicate that there was no significant correlation between readiness and gender. Similar results were recorded where the differences between programmes did not affect students' readiness.

Keywords: *readiness, blended learning, gender, program, face to face, e-learning*

PENDAHULUAN

Penggunaan teknologi dalam pendidikan telah mendapat tempat sejak berdekad lamanya. Contohnya pada tahun 1996, Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) telah dilancarkan dengan memberi penekanan terhadap penggunaan e-pembelajaran (Mohd. Koharuddin & Rozita Sanapi, 2004). Dengan kecanggihan teknologi semasa, bidang pendidikan telah mengalami perubahan seiring dengan kemajuan terkini. Pelaksanaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran sentiasa ditambah baik. Ini dapat dilihat pada April 2015, apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 telah dilancarkan. Pelan ini mengandungi 10 lonjakan utama dan salah satu lonjakan tersebut ialah pembelajaran dalam talian tahap global. Lonjakan tersebut menjelaskan bahawa model pembelajaran bersepadu (*blended learning*) akan menjadi pendekatan pedagogi utama semua Institut Pengajian Tinggi (www.moe.gov.my). Keadaan ini seterusnya akan menjadikan e-pembelajaran sebagai komponen penting dalam pendidikan tinggi. *Blended learning* yang ditakrifkan sebagai pengintegrasian antara pembelajaran bersemuka dan e-pembelajaran telah diberi perhatian. Ini kerana kelebihan yang terdapat pada kedua komponen tersebut iaitu secara bersemuka dan e-pembelajaran mampu menjadikan PdP lebih berdaya saing. *Blended learning* memainkan peranan yang amat penting khususnya di peringkat IPT. *Blended learning* yang melibatkan penggunaan internet secara meluas dalam bidang pendidikan di IPT seterusnya akan dapat meluaskan akses, meningkatkan kualiti pengajaran, meningkatkan kecekapan kos dan mempromosi bidang tersendiri Malaysia secara global. *Blended learning* menjadi alternatif terbaik setelah penggunaan e-pembelajaran sepenuhnya yang telah membangkitkan beberapa isu termasuklah pelajar merasa keseorangan dan kurang kemahiran (Tayebinik, 2012; Zhang & Han, 2012).

Secara umumnya banyak kajian terdahulu telah merekodkan pelaksanaan *blended learning* dalam PdP mendapat maklum balas yang positif seperti kajian Izudin Syarif (2013) yang melaporkan berlaku peningkatan motivasi dan prestasi hasil penerapan *blended learning*. Gecer dan Dag (2012) pula menyatakan pelajar mengakui *blended learning* menyokong pembelajaran aktif dan penggunaan bahan dalam talian adalah menarik. Dapatan yang hampir sama dibentangkan oleh Hubackova, Semradova, dan Klimova (2011), apabila pelajar sangat seronok mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning*. Kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran bersemuka dan e-pembelajaran telah diterapkan dalam *blended learning* bagi memastikan pembelajaran berjaya mencapai matlamat. Di antara kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran bersemuka ialah hubungan pelajar dan guru berlaku secara langsung dalam sesi PdP, begitu juga dengan pertukaran idea, pandangan dan buah fikiran. Pelajar juga dapat mempraktikkan aktiviti dan menjalankan eksperimen berkaitan subjek untuk mendapatkan pengalaman. Pembelajaran bersemuka turut berupaya untuk menilai kemajuan pelajar dengan cara yang diyakini. Sementara itu, kelebihan e-

pembelajaran termasuklah bentuk pembelajaran sendiri dapat memenuhi keperluan dan kemampuan pelajar. Masa dan tempat boleh disesuaikan berdasarkan kepada keadaan dan kemahuan pelajar. Selain itu, penyediaan dan penggunaan material multimedia adalah tidak terhad serta pelajar dapat mengulang kembali pembelajaran terdahulu dan membuat ulang kaji menerusi e-pembelajaran (Goltz-Wasiucionek, 2014).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Blended learning telah muncul sekitar tahun 2000 dan berfungsi untuk menyokong pembelajaran tradisional (Marsh, 2012). Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada kemunculan *blended learning*. Faktor tersebut ialah menambah baik pedagogi, meningkatkan akses dan fleksibiliti serta meningkatkan keberkesanan kos (Graham, 2006). *Blended learning* membawa pengertian yang luas dan pelbagai. Singh (2003) menjelaskan *blended learning* boleh membawa maksud gabungan pelbagai media, metodologi, aktiviti, bahan bantu mengajar dan juga gabungan antara pembelajaran bersemuka dan e-learning. Terdapat beberapa ciri dalam *blended learning* sebagaimana mana yang diuraikan oleh Dziuban, Hartman, dan Moskal (2004). Antara ciri tersebut ialah peralihan daripada pembelajaran berpusatkan pensyarah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (termasuk ketika sesi pembelajaran bersemuka), peningkatan interaksi antara pelajar dan pensyarah, sesama pelajar, pelajar dan kandungan serta pelajar dan maklumat luar yang lain. *Blended learning* turut menyediakan mekanisme penilaian formatif dan sumatif yang diintegrasikan untuk pensyarah dan pelajar. Selain itu pelajar mampu untuk menentukan tahap kelajuan pembelajaran mereka. Keadaan ini pastinya dapat mengurangkan cabaran kepada pensyarah dalam menyeimbangkan pengajaran. Bagi pelajar yang cemerlang, mereka mempunyai lebih waktu dan berpeluang untuk berehat manakala bagi pelajar yang lemah mereka mempunyai peluang untuk mengulang kembali pembelajaran beberapa kali (McGinnis, 2005). Keadaan ini memperlihatkan bahawa *blended learning* menawarkan pilihan terbaik dengan meletakkan pelajar sebagai pusat proses pembelajaran berlaku. Pelajar digalakkan untuk menyertai perbincangan dalam forum dan menyumbang sesuatu yang bernilai dalam pembelajaran (Johan et al., 2014).

UnisZA tidak terkecuali daripada meletakkan dasar agar P&P turut dilaksanakan dalam bentuk *blended learning*. Perkara ini telah termaktub dalam polisi e-pembelajaran yang telah diterbitkan pada tahun 2012. UniSZA telah menyediakan sistem pengurusan pembelajaran (learning management system-LMS) sendiri yang dikenali sebagai KeLiP. Sistem ini menggunakan sumber terbuka iaitu Moodle. Moodle merupakan sistem pembelajaran yang digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan kerana ciri-cirinya yang memenuhi keperluan PdP. Tambahan lagi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang telah dilancarkan meminta semua IPT menjalankan PdP berasaskan *blended learning*. Justeru itu, PdP berasaskan *blended learning* ini perlu dijalankan bukan sahaja bagi memenuhi polisi IPT itu sendiri bahkan memenuhi aspirasi pendidikan negara. Walau bagaimanapun, di sebalik polisi yang ditetapkan dan kemudahan yang disediakan, kesediaan pihak pelajar sendiri untuk mengikuti proses pembelajaran menggunakan KeLiP menerusi pendekatan *blended learning* tidaklah di ketahui. Justeru itu, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti kesediaan pelajar berdasarkan jantungina dan program dalam mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab.

SOROTAN KAJIAN

Pelbagai kajian berkaitan *blended learning* telah dijalankan. Antaranya kajian untuk mengetahui persepsi pelajar dan guru terhadap *blended learning*, pembangunan modul *blended learning* dan sebagainya. Sebagai contoh kajian Akkoyunlu dan Yilmaz-Soylu (2008) bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pembelajaran berasaskan *blended learning*. Dapatan kajian mereka menunjukkan pelajar yang aktif menggunakan forum dalam e-pembelajaran mempunyai pandangan yang positif terhadap *blended learning*. Penerimaan pelajar terhadap kursus *blended learning* di universiti telah dikaji oleh Tselios et al. (2011). Dapatan melaporkan kemudahan dan kebergunaan modul memberi kesan positif kepada sikap pelajar terhadap pembelajaran *blended learning*. Di Malaysia, kajian berkaitan *blended learning* turut mendapat perhatian. Nur Farahiza Zaihan Azizan (2010) membincangkan secara umum pelaksanaan *blended learning* di institut pengajian tinggi di Malaysia. Kajian beliau memfokuskan kepada OUM (*Open University Malaysia*) yang merupakan antara universiti yang terawal melaksanakan *blended learning* dalam PdP mereka. Haryani Haron et al. (2012) mengkaji penggunaan *blended learning* dalam kalangan ahli akademik di salah sebuah IPT di Malaysia. Dapatan menunjukkan hanya 13 peratus ahli akademik yang melaksanakan *blended learning* ini. Faktor yang menggalakkan ahli akademik tersebut mengimplementasikan *blended learning* ialah anggapan kebergunaan sistem, matlamat pembelajaran dan kecenderungan terhadap teknologi pendidikan. Sementara itu, persepsi instruktur terhadap penggunaan *blended learning* dalam P&P telah dikaji oleh Wong et al. (2012). Antara maklum balas instruktur dalam kajian tersebut ialah masalah capaian internet menjadi isu utama menyebabkan proses P&P berasaskan *blended learning* terganggu. Kajian Deborah dan Lee (2013) yang berkaitan persepsi pelajar terhadap

blended learning melaporkan pelajar menghargai kelas yang berasaskan *blended learning* namun masih ragu-ragu untuk menerima perubahan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dijalankan ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina dan program.
2. Mengenal pasti perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina.
3. Mengenal pasti perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program.

Soalan kajian yang dibentuk adalah berdasarkan objektif kajian. Soalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimanakah kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina?
2. Bagaimanakah kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program ?
3. Adakah terdapat perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina?

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif. Data dipungut menggunakan soal selidik yang telah diubah suai berdasarkan kajian-kajian lepas. Soal selidik yang telah diubah suai ini seterusnya telah mendapat pengesahan pakar sebelum digunakan dalam kajian. Sampel kajian telah dipilih secara rawak dengan melibatkan seramai 248 pelajar. Pelajar tersebut terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda tahun satu yang mengambil kursus universiti iaitu kursus Bahasa Arab Kebangsaan di UniSZA. Jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil kursus ini adalah sekitar 384 orang. Oleh itu jumlah 248 pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah menepati jumlah pensampelan seperti mana dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Sebelum kajian sebenar dijalankan, soal selidik terlebih dahulu diuji dengan menjalankan kajian rintis yang telah melibatkan seramai 30 orang pelajar. Pelajar yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai ciri yang sama dengan peserta kajian sebenar iaitu turut mengambil kursus bahasa Arab Universiti. Soal selidik tersebut mengandungi maklumat demografi seperti jantina, program dan juga kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran bahasa Arab berasaskan *blended learning*. Bagi konstruk kesediaan pelajar dalam soal selidik tersebut, skala likert lima peringkat digunakan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, sangat setuju. Ujian alpha Cronbach telah dilaksanakan dan nilai yang diperoleh ialah .617. Nilai ini berada dalam kategori yang baik. Mengikut Mohd Majid (1990), nilai alpha soal selidik yang melebihi .60 sering digunakan dalam kajian.

Data kajian ini diperoleh menerusi soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar. Pengumpulan data menerusi soal selidik ini memakan masa hampir sebulan kerana beberapa sesi perlu dijalankan memandangkan pelajar yang terlibat agak ramai. Pelajar telah diberi masa sehingga 20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut. Setelah selesai, borang soal selidik dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Sciences*) versi 18.

Analisis yang digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif bertujuan untuk mendeskripsikan atau menggambarkan sesuatu perkara. Ia biasanya akan melibatkan jumlah min, sum dan sebagainya. Manakala analisis inferensi akan melihat sama ada wujud hubungan antara variabel yang dikaji. Dalam kajian ini, soalan kajian satu dan dua telah menggunakan analisis deskriptif. Analisis inferensi pula dijalankan untuk menjawab soalan kajian tiga dan empat.

DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 248 orang pelajar ijazah tahun satu yang mengambil kursus bahasa Arab. Perincian berkaitan maklumat demografi seperti perbincangan selanjutnya.

Jadual 1

Taburan Pelajar Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	61	24.6
Perempuan	187	75.4
JUMLAH	248	100

Jadual 1 memaparkan taburan pelajar berdasarkan jantina. Seramai 61 orang pelajar lelaki dan 187 orang pelajar perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden dalam kajian ini adalah secara rawak. Oleh itu peratus bilangan jantina adalah tidak sama memandangkan soalan kajian diedarkan berdasarkan kelas pelajar.

Jadual 2

Jumlah Pelajar Berdasarkan Program

Program	Bilangan	Peratus
Kewangan Islam	40	16.1
Pengurusan Risiko	38	15.3
Antropologi Dakwah	34	13.7
Kerja sosial	39	15.7
Teknologi perisian	28	11.3
Perubatan	38	15.3
Biosumber & Teknologi Makanan	31	12.5
JUMLAH	248	100

Jadual 2 menyenaraikan jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan program pengajian. Sebanyak tujuh program pengajian yang terlibat iaitu kewangan Islam yang disertai seramai 40 orang pelajar mewakili 16.1%, program pengurusan risiko seramai 38 orang, Antropologi Dakwah (34 orang), Kerja sosial (39 orang), teknologi perisian (28 orang), Perubatan (38 orang), Biosumber & Teknologi Makanan (31 orang).

Kesediaan jantina

Jadual 3 berikut menunjukkan Min kesediaan pelajar berdasarkan jantina. Jadual 3 dibentangkan bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu berkaitan kesediaan pelajar berdasarkan jantina. Secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan nilai min yang besar antara pelajar lelaki dan perempuan.

Perbezaan nilai min yang terbesar ialah 0.19 dan terdapat satu item yang mencatatkan nilai skor min yang sama. Didapati majoriti nilai min item soal selidik pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki kecuali pada item nombor 1 iaitu mampu untuk belajar sendiri dan item nombor 9 bersedia untuk mengikuti *blended learning* pada bila-bila masa.

Jadual 3

Min Kesediaan Pelajar Berdasarkan Jantina

	Item	Min		Perbezaan Min
		Lelaki	Perempuan	
1	Saya mampu untuk belajar sendiri.	2.54	2.35	0.19
2	Saya seorang yang berdikari dalam menyiapkan tugas yang diberikan.	3.30	3.34	0.04
3	Saya selesa untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran saya.	3.72	3.89	0.17
4	Saya mempunyai kemahiran untuk menggunakan kaedah pembelajaran elektronik (e-pembelajaran).	3.36	3.46	0.10
5	Saya yakin pembelajaran bersemuka tidak boleh diabaikan kerana pembelajaran bersemuka mempunyai kelebihan yang tersendiri.	4.34	4.34	0
6	Saya percaya e-pembelajaran juga mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tertentu.	4.05	4.07	0.02
7	Saya lebih berminat untuk mengikuti <i>blended learning</i> (gabungan pembelajaran bersemuka & e-pembelajaran) berbanding dengan pembelajaran bersemuka sepenuhnya.	3.48	3.63	0.15
8	Saya lebih berminat untuk mengikuti <i>blended learning</i> berbanding dengan e-pembelajaran sepenuhnya.	3.23	3.35	0.12
9	Saya bersedia untuk mengikuti <i>blended learning</i> pada bila-bila masa.	3.72	3.67	0.05
10	Saya bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mengikuti <i>blended learning</i> .	3.52	3.61	0.09

Kesediaan program

Jadual 4 pula memaparkan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program bagi menjawab persoalan kajian yang kedua. Kesediaan pelajar daripada program teknologi perisian mencatatkan skor min paling tinggi iaitu ($M = 3.736$, $S.P = 0.393$) diikuti dengan program Biosumber& Teknologi Makanan ($M = 3.661$, $S.P = 0.518$).

Jadual 4

Taburan Kesediaan Berdasarkan Program Pelajar

Program	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai
Kewangan islam	40	3.528	.438
Pengurusan Risiko	38	3.595	.455
Antropologi dakwah	34	3.585	.445
Kerja sosial	39	3.497	.528
Teknologi perisian	28	3.736	.393
Perubatan	38	3.397	.481
Biosumber& Teknologi makanan	31	3.661	.518
Jumlah	248	3.561	.474

Manakala min pelajar daripada program perubatan mencatatkan skor paling rendah (iaitu $M = 3.397$, $SP = 0.481$). Skor min pelajar daripada program-program lain adalah setara di mana program Kewangan Islam ($M = 3.528$, $S.P = 0.438$), program Pengurusan Risiko ($M = 3.595$, $S.P = 0.455$), program Antropologi Dakwah ($M = 3.585$, $SP = 0.445$) dan program Kerja Sosial ($M = 3.497$, $SP = 0.528$).

Perbezaan kesediaan berdasarkan jantina

Ujian t telah dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang ke-3. Soalan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan jantina.

Jadual 5

Ujian t kesediaan pelajar berdasarkan jantina

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai- t	Tahap signifikan
Lelaki	61	3.526	0.557	0.665	0.507
Perempuan	187	3.573	0.445		

Signifikan pada aras 0.05 ($p < 0.05$)

Jadual 5 melaporkan perbezaan min kesediaan mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* antara pelajar lelaki dan perempuan. Didapati nilai perbezaan di antara keduanya adalah kecil iaitu sebanyak 0.0465 di mana min bagi lelaki ialah 3.5262 dan perempuan 3.5727. Manakala bagi keputusan ujian t , perbezaan min bagi kedua jantina tersebut adalah tidak signifikan apabila nilai $t = 0.665$, $p > 0.5$.

Perbezaan kesediaan berdasarkan program

Soalan kajian ke 4 dijawab dengan melakukan ujian ANOVA. Ujian tersebut dilakukan untuk mengenal pasti kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program

Jadual 6

Ujian ANOVA kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan blended learning berdasarkan program

Kesediaan pelajar	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	2.450	6	.408	1.855	.089
Dalam kumpulan	53.039	241	.220		
Jumlah	55.488	247			

Ujian anova sehalu dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan skor min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program.

Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian anova sehalu yang telah dijalankan. Berdasarkan keputusan tersebut, perbezaan skor min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program adalah tidak signifikan kerana nilai p (0.089) adalah lebih besar daripada 0.05 atau dengan kata lain $F(6, 241) = 1.855$; $p > 0.05$).

PERBINCANGAN

Kajian ini telah dijalankan di UniSZA dengan melibatkan seramai 248 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda tahun satu yang mengambil kursus bahasa Arab. Pelajar tersebut terdiri daripada 61 pelajar lelaki dan 187 orang pelajar perempuan. Para pelajar turut berbeza dari segi program yang diikuti di mana sebanyak tujuh program yang terlibat. Data dipungut dengan menggunakan soal selidik dan di analisis menggunakan SPSS. Analisis yang dijalankan

melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif membincangkan tentang nilai skor min manakala statistikinferensi melibatkan ujian t dan anova. Jadual 7 menunjukkan interpretasi nilai skor min.

Jadual 7

Interpretasi Skor dan Tahap Min

Skor	Tahap
1.00 -2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: MajidKonting, 1990

Soal selidik yang mengandungi sepuluh item berkaitan kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* telah diedarkan kepada para pelajar. Kajian ini ingin melihat perbezaan kesediaan berdasarkan jantina kerana jantina salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam membangunkan dan menguji e-pembelajaran (Ong & Lai, 2006). Hasil analisis berdasarkan jantina menunjukkan tiada perbezaan besar antara skor min pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Skor min kelebihan pembelajaran bersemuka merupakan yang paling tinggi iaitu 4.34. Nilai skor min ini dikongsi oleh pelajar lelaki dan perempuan. Skor min lain yang berada di tahap yang tinggi ialah keyakinan e-pembelajaran mempunyai kelebihan yang tersendiri ($L = 4.05$, $P = 4.07$), selesa menggunakan teknologi dalam pembelajaran ($L = 3.72$, $P=3.89$) dan bersedia mengikuti *blended learning* pada bila-bila masa ($L= 3.72$, $P = 3.67$). Dapatan ini menggambarkan pelajar bersedia untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran namun pada masa yang sama masih mementingkan pembelajaran bersemuka. Oleh itu, *blended learning* dilihat mampu untuk memenuhi keperluan pelajar tersebut. Manakala skor min yang lain berada pada tahap yang sederhana. Skor min yang paling rendah ialah berkaitan dengan kemampuan pelajar untuk belajar sendiri ($L = 2.54$, $P = 2.35$). Situasi ini mungkin disebabkan pelajar masih kurang berkeyakinan untuk menguruskan pembelajaran mereka sendiri.

Kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* berdasarkan program turut dikaji. Sebanyak tujuh program pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Bilangan pelajar berdasarkan program ialah Kewangan Islam seramai 40 orang, pengurusan risiko (38), Antropologi Dakwah (34), Kerja Sosial (39), Teknologi Perisian (28), Perubatan (38) dan Biosumber& Teknologi Makanan (31). Skor min pelajar daripada program perisian mencatatkan skor paling tinggi. Ini berkemungkinan disebabkan program mereka yang berkaitan penggunaan teknologi perisian menjadikan mereka lebih bersedia berbanding pelajar daripada program lain. Skor min pelajar daripada program lain adalah setara antara satu sama lain. Aspek program pelajar ini dikaji kerana sebahagian daripada program tersebut mewajibkan pelajar untuk mengambil kursus bahasa Arab ini walaupun ia tergolong dalam subjek elektif iaitu pilihan.

Ujian *t* turut dijalankan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara skor min pelajar lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan perbezaan tersebut adalah tidak signifikan. Ini menggambarkan kesediaan pelajar lelaki dan perempuan untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* adalah sama. Keputusan kajian ini selari dengan kajian Khechine, Lakhal, Pascot, dan Bytha (2014) yang menunjukkan perbezaan jantina adalah tidak signifikan dalam penggunaan *blended learning*. Mohd EryJohaizal (2009) dalam kajiannya mengenai perbezaan jantina berkaitan penggunaan e-pembelajaran turut melaporkan tiada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, keputusan kajian Padilla-Meléndez, del Aguila-Obra dan Garrido-Moreno (2013) adalah sebaliknya di mana kajian ini melaporkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam sikap dan niat terhadap penggunaan teknologi dalam *blended learning*.

Ujian ANOVA sehalu telah dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan kesediaan pelajar berdasarkan program. Keputusan ujian menunjukkan tiada perbezaan signifikan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran *blended learning* berdasarkan program. Situasi ini menunjukkan perbezaan program pelajar tidak mempengaruhi kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning*. Namun kajian seumpama ini yang memfokuskan kepada pemggunaan e-pembelajaran telah dijalankan oleh Mohd Ery Johaizal (2009). Dapatan beliau menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara program pelajar dalam menggunakan e-pembelajaran. Begitu juga kajian Mohd Anuar dan ErdaYumiza (2010) yang menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran menurut program. Walau bagaimanapun kajian mereka adalah terhadap pelajar yang mengikuti kursus masing-masing. Oleh itu, berkemungkinan tahap kesukaran penggunaan e-pembelajaran adalah berbeza bergantung pada kursus masing-masing. Ini seterusnya menyumbang kepada perbezaan yang signifikan antara program.

PENUTUP

Blended learning dilihat mempunyai potensi yang besar dalam bidang pendidikan. Pengintegrasian di antara pembelajaran bersemuka dan e-pembelajaran memberi pelajar dan guru lebih pilihan dalam P&P. Secara umumnya, dapatan menunjukkan pelajar telah bersedia untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* tanpa mengira perbezaan jantina dan program. Dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak institusi dan tenaga pengajar bahawa para pelajar sebenarnya telah bersedia untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *blended learning* ini. Oleh itu usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi menggalakkan lagi pembangunan modul pembelajaran yang berasaskan *blended learning*. Tenaga pengajar perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya bagi memastikan pelaksanaan *blended learning* ini mencapai matlamatnya. Kajian lanjutan harus dilakukan bagi terus mengembangkan pengaplikasian *blended learning* dalam P&P. Dicadangkan agar kajian seterusnya akan cuba membangunkan model dan modul pembelajaran berasaskan *blended learning* khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab.

RUJUKAN

- Akkoyunlu, B., & Soyulu, M. Y. (2008). A study of student's perceptions in a blended learning environment based on different learning styles. *Journal of Educational Technology & Society*, 11(1), 183-193.
- Deborah Leduning, & Lee Kean Wah. (2013). Focus on students: A blended Business English writing class in Sabah. *Jurnal Teknologi*, 65(2).
- Dziuban, C. D., Hartman, J. L., & Moskal, P. D. (2004). Blended learning. *EDUCAUSE Center for Applied Research Bulletin*, 7(1), 12.
- Gecer, A., & Dag, F. (2012). A blended learning experience. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 12(1), 438-442.
- Goltz-Wasiucioneck, D. (2014). Blended learning in Foreign Language Teaching. *Sino-US English Teaching*, 11(6), 419-426.
- Haryani Haron, Wan Faedah Abbas, & Nor Aini Abd Rahman. (2012). The adoption of blended learning among Malaysian academicians. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 67, 175-181.
- Hubackova, S., Semradova, I., & Klimova, B. F. (2011). Blended learning in foreign language teaching. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 28, 281-285.
- Johan Eddy Luanan, Nor Aziah Alias, & Jasmine Jain. (2014). Blended learning: Examining concepts and practices. Dlm. Mohamed Amin Embi (Ed.), *Blended learning & flipped learning: Case studies in Malaysian HEIs* (pp. 19-33). Bangi: Pusat pengajaran dan teknologi pembelajaran UKM.
- Izudin Syarif. (2013). Pengaruh model Blended Learning terhadap motivasi dan prestasi belajar siswa SMK. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 2(2).
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian*. (Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Khechine, H., Lakhali, S., Pascot, D., & Bytha, A. (2014). UTAUT Model for blended learning: The role of gender and age in the intention to use webinars. *Interdisciplinary Journal of E-Learning and Learning Objects*, 10, 33-52.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

- McGinnis, M. (2005). Building a successful blended learning strategy. *LTI Newsline* www. Itimagazine.com.
- MohdAnuar B. Abdul Rahman, & ErdaYumiza Binti Ibrahim. (2010). Penggunaan E-Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.1-7. Diakses dari <http://eprints.utm.my/11281/>
- Mohd Ery Johaizal Bin Ramli. (2009). *Hubungan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan sendiri dengan tahap penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar di universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat*. (Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia). Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia). Diakses dari <http://www.slideshare.net/tembuakar1/hubungan-antara-tahap-kesediaan-pembelajaran-arahan-kendiri-dengan-tahap-penggunaan-epembelajaran>
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, & Rozita Sanapi. (2012). Perkembangan, pembangunan dan penerimaan E-Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 41(1), 55-72.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong, C. S., & Lai, J. Y. (2006). Gender differences in perceptions and relationships among dominants of e-learning acceptance. *Computers in Human Behavior*, 22(5), 816-829.
- Padilla-Meléndez, A., del Aguila-Obra, A. R., & Garrido-Moreno, A. (2013). Perceived playfulness, gender differences and technology acceptance model in a blended learning scenario. *Computers & Education*, 63, 306-317.
- Singh, Harvey. (2003). Building effective blended learning programs. *Educational Technology*, 43(6), 51–54.
- Tselios, N., Daskalakis, S., & Papadopoulou, M. (2011). Assessing the acceptance of a blended learning university course. *Journal of Educational Technology & Society*, 14(2), 224-235.
- Wong Fook Fei, Thang Siew Ming, Noorizah Mohd Noor, Hafizah Latif & Mohd Salehuddin Abd. Aziz. (2012). A blended approach in teaching an EAP course: Malaysian instructors' perceptions of the new course materials. *3L: Language, Linguistics, Literature®*, 18(3).

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR DI JERMAN

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli
nz_zul@yahoo.com

Siti Saniah Abu Bakar
saniah@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstract: This study was conducted to examine the Malay language learning strategies used in the classroom, outside the classroom and during examinations by students of Southeast Asian Studies, Goethe University Frankfurt, Germany. The data were collected through a questionnaire and analyzed using descriptive analysis. The results of this study revealed that students used a variety of language learning strategies in the classroom compared to outside of the classroom and during examinations. This study may help students and teachers to diversify strategies to improve Malay language acquisition among foreign students.

Keywords: *language learning strategies, language, class, exam*

PENDAHULUAN

Abad ini menyaksikan bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa ilmu (bahasa asing) yang disampaikan di luar negara selain menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar di beberapa buah negara. Menurut Jyh Wee Sew (2013), pengajian bahasa Melayu sebagai bahasa asing cukup memberangsangkan. Buktinya, di Jerman, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) yang menawarkan kursus Bahasa Melayu, antaranya, Universiti Hamburg, Universiti Cologne, Universiti Bonn, Universiti Frankfurt atau kini lebih dikenali sebagai Universiti Goethe Frankfurt dan Universiti Passau (Awang Sariyan, 2011a). Sambutan kursus bahasa Melayu di Jerman adalah memberangsangkan kerana setiap tahun jumlah pelajar yang mengikuti kursus ini semakin bertambah. Hal ini berikutan pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan Jerman untuk menarik pelajar dari dalam dan luar negara untuk mengikuti kursus bahasa Melayu (Berita Minggu Singapura, 2014).

Namun demikian, walaupun bahasa Melayu telah mendapat tempat dalam pasaran pendidikan antarabangsa sebagai bahasa asing, terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki terutamanya penguasaan bahasa Melayu yang masih pada tahap tidak memuaskan (Fai'zah Abd. Manan, Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2010). Oleh yang demikian, perlu satu pendekatan khusus yang dapat menangani masalah penguasaan bahasa Melayu pelajar, iaitu dengan mendedahkan para pelajar mengenai strategi pembelajaran bahasa (SPB). Menurut Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi (2005), SPB dianggap sebagai salah satu cara untuk membantu pelajar menguasai sesuatu bahasa. Mohamed Amin Embi (2000) menjelaskan SPB sebagai rancangan atau/dan tindakan seseorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran bahasa. Justeru, satu penelitian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dilakukan dalam kalangan pelajar di Jerman semasa di dalam kelas (DDK), di luar kelas (DLK) dan semasa menghadapi peperiksaan (SMP).

PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam kalangan pelajar sering kali menunjukkan pelajar tidak atau kurang menguasai sesuatu bahasa sasaran dalam tempoh yang ditetapkan (Ab. Razak dan Muhammad Saiful Haq, 2011). Oleh yang demikian, pelbagai usaha yang dilakukan oleh tenaga pengajar bagi memastikan pelajar dapat menguasai bahasa sasaran.

Antara pendekatan yang sesuai untuk digunakan oleh para guru adalah menerapkan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana penggunaan SPB dipercayai berpotensi untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih efektif, dinamik dan menyeronokkan (Fa'izah Abd. Manan, Zamri

Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2010). Menurut Yong dan Vijayaletchumy (2012), dengan mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa khususnya bahasa Melayu (BM), guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik dan efektif.

Biarpun kajian mengenai SPB telah banyak dilakukan, namun, penggunaan SPB dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing masih mendapat respons negatif (Fa'izah Abd. Manan, Zamri mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2010). Selain itu, para guru juga didapati lebih memberi perhatian terhadap strategi yang harus mereka gunakan berbanding pendekatan yang digunakan oleh pelajar (Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi, 2005). Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberi pendedahan mengenai strategi pembelajaran bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh pelajar.

Selain itu, kajian SPB dalam kalangan pelajar yang mempelajari BM juga lebih tertumpu terhadap pelajar di dalam negara dan kajian SPB di luar negara masih belum diterokai. Oleh yang demikian, satu penelitian khusus dilakukan untuk meneliti penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari BM di luar negara, khususnya di Jerman.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu:

1. meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa di dalam kelas (DDK),
2. meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa di luar kelas (DLK), dan
3. meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa menghadapi peperiksaan (SMP).

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Menurut Ellis (1997), strategi ialah "*consisted of mental and behavioral activity related to some specific stage in the overall process of language acquisition or language use*". Maksudnya, strategi merupakan aktiviti mental dan tingkah laku yang berkait dengan peringkat tertentu dalam proses menguasai sesuatu bahasa. Justeru, strategi adalah salah satu usaha yang digunakan bagi memahami dan menguasai sesuatu kemahiran yang bukan sahaja tertumpu pada bidang ketenteraan malahan bidang pendidikan juga. Dalam kajian ini, strategi yang dimaksudkan adalah strategi pembelajaran bahasa bagi menguasai bahasa Melayu dengan lebih mudah.

Mohamed Amin Embi (2000) menjelaskan SPB sebagai rancangan atau/dan tindakan seseorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran bahasa. Beliau membahagikan SPB kepada tiga konstruk utama iaitu SPB semasa di dalam kelas (DDK), SPB semasa di luar kelas (DLK) dan SPB semasa menghadapi peperiksaan (SMP). Menurut Mohamed Amin Embi (2000), SPB semasa di dalam kelas (DDK) ialah strategi yang digunakan oleh pelajar semasa DDK yang terbahagi kepada empat dimensi strategi iaitu, penggunaan bahasa di dalam kelas, pembelajaran sosial DDK, berurusan dengan perkataan baru dan penstrukturan fizikal di dalam kelas (Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi, 2010).

Seterusnya, menurut Mohamed Amin Embi (2000), SPB semasa di luar kelas (DLK) merujuk kepada strategi yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu semasa di luar kelas. Terdapat empat dimensi strategi dalam SPB semasa DLK iaitu pembelajaran berfokus, penggunaan media, pembelajaran sosial di luar kelas dan persediaan awal sebelum kelas (Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi, 2010). Manakala, SPB semasa menghadapi peperiksaan (SMP) ialah persediaan yang dilakukan oleh pelajar untuk menduduki peperiksaan. Menurut Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi (2010), terdapat satu dimensi strategi untuk SMP iaitu persediaan peperiksaan.

Berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Mohamed Amin, kajian ini meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam ketiga-tiga konstruk iaitu semasa di dalam kelas, semasa di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Hal ini kerana penggunaan strategi dalam ketiga-tiga konstruk penting bagi membantu pelajar untuk menguasai bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini dijalankan di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman. Oleh itu, soal selidik digunakan bagi mengumpul data kajian. Soal selidik ini diambil daripada soal selidik SPB Mohamed Amin, namun telah diubah suai berdasarkan kehendak kajian. Terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian A, merangkumi 18 item mengenai SPBM semasa DDK, Bahagian B, merangkumi 31 item berkenaan SPBM semasa DLK dan Bahagian C, mengandungi 8 item mengenai SPBM untuk SMP.

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis dilakukan terhadap 30 orang pelajar asing di salah sebuah universiti di Malaysia yang mempelajari bahasa Melayu dan didapati bahawa indeks kebolehppercayaan instrumen adalah memuaskan dengan nilai 0.867. Menurut Guilford dan Fruchter (dalam Noraini, 2013), indeks kebolehppercayaan dalaman bagi sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika bernilai sekitar 0.7. Oleh yang demikian, instrumen ini boleh digunakan dalam kajian ini.

Bagi mendapatkan data kajian, seramai 44 orang pelajar di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman dipilih sebagai responden kajian. Kemudian, analisis secara deskriptif dilakukan terhadap data yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) semasa di dalam kelas (DDK), di luar kelas (DLK) dan semasa menghadapi peperiksaan(SMP).

Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu semasa di dalam Kelas (DDK)

Jadual 1 menunjukkan penggunaan SPBM semasa DDK. Terdapat 18 strategi pembelajaran bahasa Melayu dilaporkan digunakan oleh pelajar di Jerman semasa mempelajari bahasa Melayu ketika di dalam kelas (DDK). Hanya lima strategi yang paling kerap digunakan dan tiga strategi yang kurang digunakan oleh pelajar sahaja dimasukkan dalam Jadual 1. Hal ini kerana strategi-strategi ini memaparkan kekerapan dan peratusan yang ketara sama ada menunjukkan sesuatu strategi tersebut paling kurang digunakan atau paling kerap digunakan oleh pelajar.

Oleh sebab kajian ini menggunakan skala *Likert 4* mata, maka, penggunaan strategi diteliti berdasarkan kekerapan dan peratusan. Bagi memudahkan analisis data kajian, respons pelajar dibahagikan kepada dua kategori sahaja iaitu kategori tidak setuju mewakili sangat tidak setuju dan tidak setuju, manakala, kategori setuju mewakili setuju dan sangat setuju. Dua kategori ini dapat menjelaskan respons pelajar terhadap penggunaan strategi dengan lebih terperinci dengan menggabungkan kekerapan dan peratusan yang diperolehi bagi setiap skala dalam kategori setuju dan tidak setuju. 8 strategi yang tersenarai di dalam Jadual 1 merupakan sebahagian daripada 18 pilihan strategi yang dicatatkan di dalam soal selidik.

Jadual 1

Penggunaan SPBM semasa di dalam kelas (DDK)

Item	Strategi	Kekerapan dan Peratusan (%)			
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
A4	Saya duduk di hadapan untuk mendapatkan perhatian guru.	10 (22.7)	16 (36.4)	10 (22.7)	8 (18.2)
A5	Apabila guru sedang mengajar saya memberi sepenuh perhatian.	-	5 (11.4)	29 (65.9)	10 (22.7)
A6	Jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta beliau mengulanginya.	1 (2.3)	11 (25.0)	24 (54.5)	8 (18.2)

A7	Jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya.	1 (2.3)	6 (13.6)	12 (27.3)	25 (56.8)
A11	Jika saya tidak faham apa-apa perkataan yang digunakan semasa pengajaran, saya menggunakan kamus.	11 (25.0)	12 (27.3)	14 (31.8)	7 (15.9)
A12	Ketika pengajaran Bahasa Melayu, saya bercakap dalam bahasa Melayu sahaja.	19 (43.2)	21 (47.7)	2 (4.5)	2 (4.5)
A16	Saya menterjemahkan apa-apa yang saya dengar semasa proses pembelajaran dalam bahasa pertama (contohnya Bahasa Jerman, Inggeris, Mandarin).	-	9 (20.5)	25 (56.8)	10 (22.7)
A17	Jika saya tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, saya meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran saya.	1 (2.3)	8 (18.2)	23 (52.3)	12 (27.3)

Strategi yang paling popular dalam kalangan pelajar di Jerman semasa di dalam kelas ialah apabila guru sedang mengajar saya memberi sepenuh perhatian (A5) iaitu 88.6% pelajar memilih menggunakan strategi ini. Dapatan kajian Zamri Mahamod (2004) juga menunjukkan strategi memberi sepenuh perhatian merupakan salah satu strategi yang popular dalam kalangan pelajar. Didapati pelajar secara majoritinya menggunakan strategi ini kerana penerangan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting. Oleh itu, penting untuk pelajar memberi sepenuh perhatian terhadap kuliah yang disampaikan oleh guru semasa di dalam kelas.

Selain itu, strategi jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya (A7) juga popular dalam kalangan pelajar iaitu 84% pelajar menggunakan strategi ini. Manakala, bagi strategi bertanya dengan guru untuk mendapatkan penjelasan (A6), hanya 72.7% pelajar dilaporkan menggunakan strategi ini. Jumlah pelajar yang menggunakan strategi ini kurang sedikit berbanding penggunaan strategi meminta penjelasan rakan. Hal ini demikian kerana jarak sosial antara seorang pelajar dengan seorang guru berbeza dengan jarak sosial antara seorang pelajar dengan rakan-rakannya. Pelajar lebih rapat dan terbuka jika bersama dengan rakan-rakan berbanding dengan guru.

Di samping itu, kekangan masa antara pelajar dengan guru juga merupakan penghalang kepada pelajar untuk mengaplikasikan strategi ini berbanding masa yang lebih banyak bersama rakan-rakan. Hal ini kerana masa pelajar bersama guru adalah ketika di dalam kelas sahaja, selebihnya pelajar perlu membuat temu janji dengan guru untuk berjumpa atau melakukan perbincangan. Seperti dapatan Zamri (2004), pelajar hanya mempunyai waktu rehat untuk berjumpa dan bertanya guru sewaktu persekolahan. Oleh itu, pelajar lebih cenderung meminta penjelasan daripada rakan-rakan berbanding guru mereka.

Strategi A16 juga antara yang popular dalam kalangan pelajar dengan jumlah 79.5% pelajar menggunakan strategi ini semasa mempelajari BM di dalam kelas. Strategi tersebut ialah menterjemahkan apa-apa yang didengar semasa proses pembelajaran dalam bahasa pertama. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan strategi penterjemahan bagi membantu mereka untuk memahami sesuatu yang disampaikan oleh guru dengan lebih mudah. Strategi ini sememangnya popular dalam kalangan pelajar asing seperti dapatan Sharala (2012) yang menunjukkan strategi ini mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.09. Ini membuktikan bahawa dalam usaha memahami pelajaran, pelajar asing bertindak menterjemah apa yang didengari kepada bahasa sendiri untuk memudah pembelajaran mereka.

Pelajar juga menggunakan strategi A17 iaitu jika tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, mereka meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran dengan 79.5% pelajar menggunakannya. Strategi ini penting dalam mewujudkan perbincangan secara tidak langsung dalam kalangan pelajar. Penggunaan strategi ini menunjukkan bahawa pelajar berusaha untuk mendapatkan jawapan bagi soalan yang ditanya oleh guru dengan bertanya kepada rakan. Strategi ini dapat membantu pelajar untuk menjawab soalan dengan betul biarpun dengan bantuan rakan.

Biarpun banyak strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas yang popular digunakan oleh pelajar, namun terdapat juga strategi yang kurang digunakan oleh mereka. Antara strategi tersebut ialah A12 iaitu, ketika pengajaran bahasa Melayu, saya bercakap dalam bahasa Melayu sahaja. Hal ini membuktikan bahawa pelajar tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya ketika di dalam kelas. Hanya 9% pelajar sahaja yang menggunakan bahasa Melayu semasa di dalam kelas berbanding 91% pelajar tidak menggunakan strategi ini. Majoriti pelajar menggunakan bahasa pengantar utama di universiti iaitu bahasa Jerman.

Selain itu, strategi yang kurang popular digunakan oleh pelajar ialah menggunakan kamus jika tidak faham apa-apa perkataan yang digunakan semasa pengajaran (A11). Hanya 47.7% pelajar sahaja yang menggunakan strategi ini berbanding 52.3% pelajar tidak menggunakan strategi ini. Hal ini turut sama terjadi dengan pelajar asing di Malaysia yang didapati kurang menggunakan kamus sebagai rujukan untuk mencari makna sesuatu perkataan yang tidak difahami (Yong, Siti Saniah, Chan & Vijayaletchumy, 2010). Ini mungkin kerana pelajar-pelajar asing tidak tahu menggunakan kamus dengan betul bagi mencari makna dengan lebih mudah.

Oleh yang demikian, tenaga pengajar perlu menerangkan dari awal bagaimana menggunakan kamus, selain sentiasa memberi latihan yang memaksa pelajar menggunakan kamus. Tenaga pengajar juga boleh memperkenalkan kamus secara dalam talian juga seperti kamus Dewan Bahasa yang boleh dilayari di laman sesawang <http://prpm.dbp.gov.my>. Penggunaan kamus sebagai bahan rujukan dapat membantu pelajar memahami perkataan-perkataan baharu serta pelajar juga dapat melihat contoh penggunaan perkataan baharu tersebut dalam ayat.

